

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN
HARUN [PORT DICKSON]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini kamera AES dan berapa jumlah yang masih beroperasi dan adakah sebarang kajian terkini keberkesanan penggunaan kamera AES.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebanyak empat puluh lima (45) kamera *Automated Awareness Safety System* (AwAS) atau dahulunya dikenali sebagai *Automated Enforcement System* (AES) yang sedang beroperasi dan dikuatkuasakan. Daripada jumlah tersebut, empat puluh empat (44) kamera sedang beroperasi sepenuhnya, manakala satu (1) kamera sedang dalam proses pembaikan dan penyelenggaraan.

2. Mengenai persoalan berkaitan keberkesanan penguatkuasaan kamera AwAS, kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mendapati tahap pematuhan pengguna jalan raya kepada peraturan had laju dan isyarat lalu lintas di lokasi pemasangan kamera tersebut adalah mencecah 99% secara keseluruhannya. Perkara ini seterusnya telah berjaya meningkatkan tahap persepsi ditangkap kerana tidak mematuhi peraturan jalan raya seterusnya telah mengurangkan risiko kemalangan jalan raya di lokasi penguatkuasaan kamera AwAS.

3. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan ingin menekankan bahawa penguatkuasaan kamera AwAS bukanlah bertujuan memerangkap pengguna jalan raya. Perkara ini terbukti dengan pemasangan tiga papan-papan tanda yang memaklumkan lokasi kamera AwAS beroperasi kepada semua pengguna jalan raya. Sebaliknya, kamera AwAS adalah bertujuan memastikan semua pengguna jalan raya mematuhi peraturan jalan raya terutamanya di kawasan-kawasan titik hitam (*black-spot*) di mana nahas jalan raya kerap berlaku pada sebelum ini. Penggunaan kamera sebegini telah membolehkan aktiviti penguatkuasaan berlangsung 365 hari dan 24 jam sehari, serta mengurangkan kebergantungan kepada jumlah tenaga manusia (anggota penguatkuasaan) yang tinggi.

Sekian, terima kasih.